

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG**  
**[ KOTA SAMARAHAN ]**

**TARIKH : 28 NOVEMBER 2019**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) ranking pekerjaan yang popular dipohon oleh golongan belia mengikut sektor; dan
- (b) peluang dan tawaran pekerjaan yang sedia ada (kekosongan) mengikut sektor di Malaysia masa kini dan usaha terkini oleh pihak Kerajaan dalam mengurangkan kadar pengangguran belia di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan statistik Portal pepadanan pekerjaan *JobsMalaysia*, Kementerian Sumber Manusia, secara keseluruhan sebanyak 162,367 permohonan pekerjaan didaftarkan oleh pencari-pencari kerja warganegara di kalangan belia dan graduan sehingga September 2019. Daripada jumlah itu, jawatan yang paling popular dipohon oleh pencari kerja ialah kategori pekerjaan sebagai pekerja sokongan perkeranian sebanyak 64,046 (39.4%) pemohon, kategori pekerjaan profesional sebanyak 43,649 (26.9%) pemohon,

## SOALAN NO : 18

Juruteknik dan Profesional Bersekutu sebanyak 18,330 (11%) pemohon, jawatan Pengurus sebanyak 13,534 (8.3%) pemohon, Pekerja Perkhidmatan dan Jualan sebanyak 11,075 (6.8%) pemohon.

2. Berdasarkan statistik Portal *JobsMalaysia*, Kementerian Sumber Manusia bagi tempoh Januari hingga Oktober 2019, seramai 290,898 orang pendaftar aktif pencari kerja yang terdiri seramai 210,868 orang siswazah dan seramai 80,121 orang bukan siswazah telah mendaftar. Manakala kekosongan pekerjaan yang didaftarkan oleh majikan-majikan ialah sebanyak 847,010 jawatan kosong, daripada jumlah tersebut sebanyak 69,293 kekosongan untuk kategori siswazah dan sebanyak 777,717 kekosongan jawatan untuk kategori pekerjaan bukan siswazah di pelbagai jawatan sektor dalam negara. Melalui pelbagai program-program penempatan pekerjaan yang dijalankan oleh jabatan sehingga Oktober 2019 seramai 137,333 orang pencari kerja yang terdiri dari 41,090 orang siswazah dan seramai 96,243 orang bukan siswazah telah berjaya ditempatkan di pelbagai sektor industri

Tuan Yang di-Pertua,

3. Kadar pengangguran belia bagi tahun 2010 hingga 2018 berada dalam lingkungan 9.5 peratus hingga 10.9 peratus. Pengangguran warganegara dalam kategori lingkungan umur 15 hingga 24 tahun adalah situasi yang dihadapi oleh setiap negara. Golongan ini berada dalam proses transisi daripada alam pembelajaran kepada pasaran pekerjaan dan perlu melalui proses untuk mencari padanan pekerjaan. Tempoh untuk mereka mendapat pekerjaan bergantung kepada kekosongan jawatan yang wujud dalam ekonomi negara di sektor swasta dan di sektor awam. Berdasarkan Laporan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) menunjukkan iaitu kira-kira 45 peratus kadar pengangguran di Asia Pasifik adalah di kalangan belia.

## SOALAN NO : 18

4. Kementerian telah membangunkan sistem portal pekerjaan *JobsMalaysia* serta melaksanakan program-program penempatan pekerjaan di seluruh negara sepanjang tahun. Pencari kerja yang terdiri dari belia ataupun graduan boleh memilih jenis pekerjaan, lokasi serta tawaran yang diiklankan yang bersesuaian dengan pengalaman dan kelulusan pendidikan melalui perkhidmatan portal secara atas talian yang lebih efisien dan sistematik. *JobsMalaysia* merupakan portal rasmi pasaran pekerja untuk pencarian dan penawaran pekerjaan melalui sistem padanan kerja dengan memastikan setiap pencari kerja berpeluang mendapatkan pekerjaan dan majikan pula berpeluang untuk mendapatkan calon yang sesuai. Di samping itu juga, melalui pelbagai program-program penempatan pekerjaan termasuk temuduga terbuka dijalankan sepanjang tahun oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Pada tahun ini (sehingga Oktober 2019) sebanyak 142 karnival pekerjaan telah dilaksanakan oleh *JobsMalaysia* bagi membantu golongan belia dan pencari-pencari kerja lain mendapat pekerjaan. Pada tempoh yang sama seramai 137,333 orang pencari kerja telah berjaya mendapat penempatan pekerjaan

6. Dalam usaha mengurangkan kadar pengangguran belia di Malaysia, Kementerian ini melalui Jabatan Tenaga Manusia menawarkan peluang kepada golongan ini untuk mengikuti pelbagai latihan kemahiran sama ada program *reskilling* atau *upskilling* yang dijalankan di 32 buah institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia di seluruh negara. Menerusi program ini, golongan belia berpeluang melengkapkan diri mereka dengan pelbagai kemahiran yang *relevan* bagi meningkatkan peluang mereka untuk memasuki pasaran pekerjaan yang bersesuaian.

7. Kerajaan menyedari dan peka dengan kehadiran Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) yang fenomenanya rancak dibincangkan dan

## SOALAN NO : 18

sedang melanda kebanyakan negara di dunia terutamanya negara perindustrian seperti Malaysia. Justeru Kementerian ini melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran telah mula membangunkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) dengan mengambil kira elemen-elemen teknologi IR 4.0 seperti, *cybersecurity*, *augmented reality*, *Internet of Things* (IoT) dan lain-lain. NOSS ini akan menjadi asas kepada penghasilan kurikulum yang akan diajar kepada pelajar-pelajar kemahiran bagi memenuhi keperluan kemahiran IR 4.0.

8. Kesimpulannya, Kerajaan cakna dengan perubahan yang berlaku dan sedang bergerak ke arah memastikan *skills set* yang dihasilkan oleh institusi TVET hari ini, selari dengan keperluan IR 4.0.